

**KITAB HUIJAH ALLAH AL-BALIGHAH KARYA SHAH WALIYY  
ALLAH AL-DIHLAWI: SUATU PENGENALAN**

**[BOOK HUIJAH ALLAH AL-BALIGHAH BY SHAH WALIYY  
ALLAH AL-DIHLAWI: AN INTRODUCTION]**

NORAINI JUNOH<sup>1\*</sup>, ABDUL MANAM MOHAMAD<sup>2</sup> & ZANIRAH MUSTAFA @ BUSU<sup>1</sup>

*Received Date:* 26 Jun 2019

*Accepted Date:* 24 July 2019

**Abstrak**

Khazanah ilmiah silam banyak meninggalkan karya besar yang terus relevan dan menjadi rujukan hingga kini. Karya-karya sebegini perlu diketengahkan supaya umat Islam memperoleh pelbagai manfaat yang terkandung di dalamnya. Maka, kajian ini bertujuan memperkenalkan kitab Hujjah Allah al-Balighah karya Shah Waliyy Allah al-Dihlawi, seorang ulama India abad ke-18 Masihi. Pengenalan kitab meliputi beberapa aspek penting kitab seperti judul, tema, keaslian, terjemahan, ringkasan dan ulasan kitab, edisi cetakan, dorongan penulisan, tujuan penulisan dan kedudukan serta penilaian sarjana terhadap kitab. Selain itu, kajian ini memperkenalkan juga penulisnya yang prolifik, Shah Waliyy Allah. Kaedah kepustakaan berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Daripada analisis dokumen tersebut, pengenalan karya Hujjah Allah dihurai bagi memperoleh gambaran umum tentang kitab. Hasil kajian mendapati, kitab Hujjah Allah merupakan sebuah kitab *magnum opus* bagi Shah Waliyy Allah. Kitab ini mempunyai keunikan yang tersendiri kerana diangkat sebagai kitab yang berbentuk ensiklopedia dan memuatkan pelbagai khazanah ilmu.

**Kata kunci:** Hujjah Allah al-Balighah, Shah Waliyy Allah, magnum opus, ensiklopedia

**Abstract**

Many Islamic scholars left great masterpieces that continue to be relevant and become reference until now. Such work should be highlighted for Muslims to acquire various benefits contained within. Therefore, this study aimed to introduce Hujjah Allah al-Balighah by Shah Waliyy Allah al-Dihlawi, an ulama' from India in the 18th century. The introduction of the manuscript such as title, theme, originality translation, summary and review of the manuscript. In addition, this study also introduces its prolific writer, Shah Waliyy Allah. Library research method based on qualitative research through content analysis design was used entirely in the data collection and analysis process. From the analysis of the document, the introduction of the work of Hujjah Allah was elucidated to understand the big picture of the manuscript. The study found that the manuscript of Hujjah Allah was a manuscript of magnum opus

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Machang, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

**Corresponding Author:**

NORAINI JUNOH, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

E-mail: jannahadnin@yahoo.com

of Shah Waliyy Allah. This manuscript has its own unique character as it itself is a manuscript in the form of an encyclopedia which contains various valuable knowledge.

**Keywords:** Hujjah Allah al-Balighah, Shah Waliyy Allah, magnum opus, encyclopedia

**Cite This Article:**

Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad & Zanirah Mustafa @ Busu. (2019). Kitab *Hujjah Allah al-Balighah* Karya Shah Waliyy Allah al-Dihlawi: Suatu Pengenalan. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(3), 1-16. Open Acces: <http://ajocs.com>

## PENGENALAN

Kitab *Hujjah Allah* merupakan hasil karya terpenting Shah Waliyy Allah yang memberi sumbangan besar dalam korpus keilmuan Islam. Kitab ini bernilai ilmiah yang ditulis dalam bahasa Arab dan dikategorikan dalam bidang keagamaan Islam. Keistimewaan kitab ini tidak hanya terletak pada kedudukannya sebagai kitab agung bagi Shah Waliyy Allah, malahan juga digunakan sebagai bahan rujukan utama bagi memberi penjelasan terperinci mengenai Islam sebagai al-Din di India bahkan di alam Melayu, serta mampu bertahan dalam jangka waktu yang begitu lama. Buktinya, semenjak mula dihasilkan selepas kembalinya Shah Waliyy Allah daripada mendalami ilmu di Hijaz pada tahun 1732M hingga kini, kitab ini masih disyarahkan dan diajar di pelbagai madrasah atau masjid sama ada di India mahupun Malaysia (Islahi, 2011; Nik Abdul Aziz, 2007; al-Dihlawi, 1999). Dengan merujuk kepada aspek persejarahan ini sahaja, sudah wajarlah kitab yang tinggi nilainya ini menarik perhatian untuk layak dikaji dan dianalisis dengan sepenuhnya.

Sehubungan itu, kitab *Hujjah Allah* diangkat sebagai sebuah ensiklopedia Islam yang menjadi rujukan penting kepada umat Islam (Jalbani, 1980; Azharudin, 2002; Abbott, 1968). Ia juga merupakan sebuah kitab yang paling unik dan mencakupi keseluruhan bidang ilmu serta kitab magnum opus bagi Shah Waliyy Allah (Bhat, 1997) sehinggakan disanjung oleh para ulama dan pelajar. Antara keistimewaan kitab ini, kandungannya menerangkan rahsia-rahsia syariat (asrar al-syari'ah) (Istilah rahsia-rahsia syariat (asrar al-syari'ah) kebanyakan didapati dalam perbincangan ilmu syariat khususnya berkaitan dengan ilmu maqasid syari'ah. Kalimah asrar bermaksud rahsia dan hakikat yang memerlukan kepada pemerhatian dan kajian yang bersungguh-sungguh. Istilah asrar juga sinonim dengan istilah maqasid yang bermaksud mengetahui makna dan tujuan serta rahsia-rahsia dalam setiap hukum syariat (al-Yubi, 1998; al-Raysuni, 2005).

Selain itu, istilah hikmah (al-hikam) juga merupakan istilah yang hampir dengan maqasid yang digunakan oleh ulama terdahulu terutama dalam buku-buku fikah apabila membicarakan sesuatu hukum seperti bab solat; hukum dan hikmahnya serta bab zakat; hukum dan hikmahnya. Mengikut al-Raysuni (2005), kalimah hikmah banyak diguna oleh para fuqaha' pada kurun pertama sehingga kurun keempat hijrah khususnya dalam menggambarkan tujuan syariat. Maka, ia juga disebut sebagai ilmu asrar al-ahkam atau asrar al-tasyri' atau hikmah al-tasyri (al-Jurjawi, 1997). Tidak ramai para sarjana yang mendalami ilmu ini kerana ia merupakan ilmu yang paling halus dan mendalam. Seseorang itu perlu mempelajari metode-metode, aspek-aspek dan wilayah asrar al-ahkam itu sendiri. Sehubungan itu, rahsia di sebalik perundangan Islam hanya dapat diketahui oleh orang-orang yang cerdik pandai atau orang-

orang yang dikehendaki atau dianugerahkan ketinggian ilmu oleh Allah SWT (Achmad, 2015; al-Dihlawi, 1999.), hakikat-hakikat hukum, roh-roh hukum, tajuk-tajuk yang kritis, dan penulisannya menggunakan gaya bahasa yang tersendiri. Walaupun Shah Waliyy Allah berbangsa India dan tidak pernah tinggal di negara Arab, beliau telah menulis kitab ini dalam bahasa Arab dengan begitu baik dan fasih (Hamka, 2003). Beliau menulis sebagaimana orang Arab yang tulen dan bebas daripada sebarang kesalahan tatabahasanya (Islahi, 2011). Sebelum memperkenalkan kitab ini dengan mendalam, sedikit pengenalan mengenai biografi Shah Waliyy Allah perlu dikemukakan bagi mengenali seorang tokoh yang berwibawa dan penulis kitab yang prolifik dan produktif.

## **BIOGRAFI SHAH WALIYY ALLAH AL-DIHLAWI**

Nama sebenar adalah Qutb al-Din Ahmad bin Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-Syahid bin Mu'azam bin Mansur bin Ahmad bin Mahmud bin Qiwam al-Din al-Dihlawi. Dilahirkan pada hari Rabu, 21 Februari 1703M bersamaan 4 Syawal 1114H di Phulat, sebuah kota kecil berdekatan Delhi dan wafat pada tahun 1762M/1176H (al-Dihlawi, 1999). Beliau lahir 4 tahun sebelum kematian Aurangzeb (Sharif, 1966). Digelar dan dikenali sebagai "Shah Waliyy Allah". Perkataan "Shah" berasal daripada bahasa Parsi yang bermaksud "raja". Gelaran "Shah" pada masa itu hanya diberikan kepada para ahli sufi. Justeru, sebagai seorang sufi, bapanya telah memberikan gelaran tersebut kepada beliau (al-Dihlawi, 1999). Beliau berketurunan Arab Quraisy, iaitu mempunyai salasilah Saidina 'Umar al-Khatib daripada sebelah bapanya dan Imam Musa al-Khazin daripada sebelah ibunya (al-Siyalkuti, 1999).

Beliau seorang ulama India yang berwibawa pada abad ke-18 dan digelar sebagai mujaddid alaf al-thani (Abdul Salam, 2007). Mendapat didikan yang sempurna daripada ayahnya sendiri. Pendidikannya telah bermula sejak usia lima tahun serta khatam bacaan dan hafalan al-Quran pada usia tujuh tahun (Jalbani, 1993). Beliau telah mempelajari ilmu tafsir, Hadis, fikah, usul fiqh, ilmu kalam dan lain-lain lagi. Beliau juga menguasai ilmu falsafah, logik, bahasa Arab, sintaksis, morfologi, retorik dan lain-lain lagi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Penguasaannya terhadap pelbagai lapangan ilmu membuktikan beliau amat cintakan ilmu pengetahuan dan sentiasa berusaha untuk menyampaikan ajaran Nabi Muhammad SAW kepada umat Islam.

Sebagai seorang mujaddid, beliau telah menggunakan medium penulisan untuk memurnikan kembali ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana masyarakat pada masa itu hidup dalam kejumudan dan taklid buta (Abdul Hayei, 1998). Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang. Antara karyanya yang masyhur adalah kitab Hujjah Allah, iaitu sebuah ensiklopedia yang menjadi rujukan kepada umat Islam dalam mengetahui rahsia syariat yang diturunkan kepada para Nabi (Azharuddin, 2002). Antara karya lain dalam bidang pengajian al-Quran adalah Fath Rahman fi Tarjamah al-Quran, al-Fawz al-Kabir dan al-Fath al-Kabir. Bidang Hadis pula merangkumi kitab al-Musawa min Ahadith al-Muwatta, Musaffa Sharh Muwatta, dan Sharh Tarajim Ba'd Abwab al-Bukhari (Jalbani, 1993). Selain daripada karya tersebut, banyak lagi karya yang dihasilkan meliputi bidang falsafah, perundangan, politik, tasawuf, sejarah dan bibliografi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Dengan penghasilan karya-karya tersebut menunjukkan bahawa beliau seorang penulis yang berpengetahuan luas

dan bersemangat waja dalam menyampaikan ajaran Islam kepada umat Islam pada masa tersebut.

## **JUDUL KITAB**

Sudah menjadi kebiasaan para ulama Islam meletakkan tajuk karya mereka dengan sesuatu pengertian. Daripada tajuk karya tersebut dapat diketahui tujuan penulis menghasilkan karyanya. Tajuk-tajuk karya kebiasaannya terdiri daripada rangkai kata yang terpilih dan bersifat simbolik. Sehubungan itu, Shah Waliyy Allah telah memilih nama Hujjah Allah sebagai tajuk utama karya beliau dalam membincangkan asrar al-syari'ah.

Penamaan kitab ini berdasarkan ayat al-Quran sebagaimana dinyatakan oleh Shah Waliyy Allah (1999: 26) dalam pengantar kitabnya:

Kemudian, saya mendapatkan petunjuk yang terang mengenai rahsia pentaklifan hukum ke atas manusia, balasan-balasannya, serta rahsia syariat yang diturunkan kepada manusia sebagai jalan menuju kebahagiaan di dalam firman Allah SWT, "Sesungguhnya bukti yang meyakinkan itu dari Allah." (al-An'am, 6:149). Saya berharap bahawa karya ini menjadi salah satu cabang hujah Allah yang utama dan menjadi purnama yang sentiasa memancarkan cahaya di kegelapan malam. Atas sebab itulah karya ini saya namakan sebagai Hujjah Allah al-Balighah (Hujah-hujah Allah yang paling meyakinkan). Cukuplah Allah, Dialah pemberi nikmat dan pelindung yang baik. Tidak ada kekuasaan kecuali bersama Allah, Yang Maha Mulia, Yang Maha Besar.

Berdasarkan judul kitab ini, Shah Waliyy Allah berusaha membawakan perbincangan mengenai rahsia-rahsia di sebalik hukum syariat (asrar al-syari'ah) atau rahsia-rahsia agama (asrar al-din) dengan hujah yang kukuh dan selari dengan al-Quran, al-Sunnah dan syariat (Fadlan, et al., 2015). Usaha yang dilakukan ini adalah untuk mengembalikan kemurnian ajaran Islam yang semakin jauh daripada kehidupan umat. Segala perkara yang disampaikan dalam kitab ini juga adalah untuk mengajak manusia memahami dan menghayati segala syariat bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

## **TEMA KITAB**

Berkenaan dengan tema (tajuk, pokok atau subjek kajian) kitab, penyelidik mendapati Shah Waliyy Allah (1999) memberi fokus kepada tema hikmah atau rahsia agama (asrar al-din) yang merupakan sebahagian daripada bidang falsafah perundangan Islam (2Falsafah perundangan Islam merupakan pengkajian yang mendalam terhadap hukum Islam berdasarkan metode yang sistematik yang mana falsafah sebagai alatnya. Maka, falsafah perundangan Islam berusaha menangani masalah-masalah dasar atau asas secara kemas, koheren, rasional, universal dan komprehensif. Segala pertanyaan, sangkalan dan kritikan berkaitan dengan hukum Islam dijawab dengan hujah yang mantap dan objektif (Herfin, 2016). Dengan kata lain, falsafah perundangan Islam merupakan pengetahuan tentang hakikat, rahsia dan tujuan hukum Islam sama ada berhubung dengan hakikatnya atau proses penetapannya. Ia juga digunakan untuk

menguatkan dan memelihara hukum Islam sehingga sesuai dengan maksud dan tujuan Allah SWT menetakannya di bumi, iaitu untuk kesejahteraan umat manusia. Dengan falsafah ini, hukum Islam dilihat benar-benar sesuai dengan kehidupan umat manusia sepanjang masa (Muhammad Hasdin, 2015).

Menurut beliau, ilmu asrar al-din merupakan ilmu yang paling tinggi kedudukannya di antara ilmu-ilmu syariat. Menurutnya lagi, kajian ilmu ini berhubung erat dengan ilmu Hadis yang mana ia juga merupakan ilmu paling tinggi dalam kajian ilmu Hadis. Dengan sebab itu, Shah Waliyy Allah menamakan juga ilmu ini sebagai ilmu asrar al-Hadis. Hal ini kerana ilmu Hadis membincangkan secara menyeluruh dan terperinci tentang rahsia-rahsia hukum yang terkandung dalam suruhan dan larangan Allah SWT. Sehubungan itu, Shah Waliyy Allah (1999) meletakkan ilmu Hadis sebagai al-‘ulum al-yaqiniyyah, iaitu ilmu yang menjadi tonggak dan tiang keyakinan serta asas pembinaan pelbagai ilmu keagamaan. Justeru, dalam mukadimah kitab, Shah Waliyy Allah memulakannya dengan menyatakan tentang hikmah dan rahsia solat, zakat, puasa dan haji. Seterusnya dalam bahagian pertama, perbincangan ketiga, beliau menyatakan secara khusus mengenai rahsia-rahsia ibadat-ibadat tersebut. Manakala dalam bahagian kedua kitab, beliau memperincikan lagi rahsia-rahsia ibadat tersebut.

Sehubungan itu, Mawlana ‘Ubaydillah al-Sindi (al-Dihlawi, 2011) menyatakan kitab ini dihasilkan untuk menerangkan rahsia agama dan hikmahnya yang terkandung di dalam Hadis-hadis Nabi SAW. G.N. Jalbani (1980) juga menyatakan karya ini paling unik kerana menjelaskan asrar al-syari‘ah dan mencakupi keseluruhan bidang ilmu sehingga ia dianggap sebagai sebuah ensiklopedia.

Al-Nadawi (1987) pula menjelaskan bahawa kitab Hujjah Allah membentangkan rahsia-rahsia yang terkandung dalam syariat dan tujuan hukum Islam sehingga dapat dibuktikan bahawa hukum-hukum al-Quran itu bersifat universal dan dapat digunakan di mana-mana sahaja dan bila-bila masa sahaja walaupun diturunkan hanya pada zaman Nabi SAW. Dengan pelaksanaan hukum Tuhan ini akan memajukan pemikiran dan kebudayaan umat manusia seluruhnya. Al-Siyalkuti (1999) juga menyatakan kitab Hujjah Allah adalah sebuah karya yang eksklusif dan lengkap dalam membahaskan asrar al-syari‘ah.

Walaupun dalam mukadimah kitabnya Shah Waliyy Allah menyatakan tentang kajiannya berhubung dengan ilmu Hadis namun perbincangannya menyeluruh meliputi semua bidang ilmu (Abdul Rahman Abdullah (1997) mengklasifikasikan pemikiran Shah Waliyy Allah ke dalam golongan tradisionalisme reformisme yang menggabungkan keseluruhan ilmu-ilmu Islam dalam pengajiannya namun dalam masa yang sama merintis gerakan pembaharuan sehingga lahirnya tariq Shah Waliyy Allah. Tariq ini juga hasil pengharmonian pelbagai aliran tarekat tanpa terkeluar daripada disiplin tarekat yang asal selain daripada membuat beberapa penambahan supaya disiplin tarekat menjadi relevan kepada setiap masa dan tempat. Tariq Shah Waliyy Allah ini menjadi popular dalam kalangan murid-muridnya di India dan juga di negara-negara lain seperti Malaysia dan Indonesia. Di Malaysia, tariq ini begitu masyhur di Kelantan dan Terengganu pada awal hingga ke pertengahan abad ke-20 (Nik Abdul Aziz, 2007).

Baginya, Hadis Nabi SAW mencakupi semua bidang ilmu kerana ia menjadi sumber utama kepada epistemologi Islam. Ilmu Hadis juga merupakan pentafsir, penghurai dan penjelas kepada kitab suci al-Quran dan kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Dengan sebab itu, al-Siyalkuti (1999) telah mengklasifikasikan kitab ini dalam bidang akidah dan tauhid

sebaris dengan kitab Shah Waliyy Allah yang lain, iaitu kitab Husn al-‘Aqidah, Tuhfah al-Muwahhidin dan al-Balagh al-Mubin fi Ahkam Rabb al-‘Alamin wa Itba’ Khatim al-Nabiyyin. Hal ini kerana keseluruhan perbincangan pertama (Mabthath fi Asbab al-Taklif wa al-Majazat) dan kedua (Mabthath Kayfiah al-Majazat fi al-Hayat wa ba‘ad al-Mamamat) kitab merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan akidah khususnya berhubungan dengan alam akhirat. Perbincangan-perbincangan lain juga mengandungi perbincangan mengenai akidah seperti perbincangan keenam yang terdapat dalam Bab Siyasah Milliyyah, iaitu menjelaskan tentang hakikat kenabian.

Selain daripada tema asrar al-syari‘ah, Abbas Rizvi (1980) menjelaskan bahawa karya ini menerangkan ilmu Hadis, fiqh dan kalam dan Marcia K. Hermansen (1986) menghubungkan dengan tema falsafah dan tasawuf.

Berhubung dengan ilmu Hadis, Shah Waliyy Allah memfokuskannya dalam perbincangan ketujuh mengenai ilmu periwayatan Hadis tersebut, di samping menyatakan tentang rahsia-rahsia syariat berdasarkan penjelasan al-Quran dan Hadis di sepanjang penulisannya. Sementara ilmu fiqh berhubung dengan ilmu asrar al-syari‘ah dan beliau menyusun perbincangan ini sebagaimana layaknya kitab-kitab fiqh yang lain seperti kitab Muwatta’ Imam Malik dan kitab al-Umm Imam al-Syafi‘i. Manakala tema tasawuf pula didapati secara khusus dalam perbincangan keempat yang membincangkan tentang hakikat kebahagiaan. Tema ini juga dapat dilihat dalam perbincangan-perbincangan lain yang mana Shah Waliyy Allah menjelaskan rahsia-rahsia syariat yang berkonsepkan pemikiran-pemikiran tasawuf seperti perbincangan tentang Alam al-Mithal (Alam al-Mithal merupakan perantaraan di antara Tuhan dan al-shakhs al-akbar yang membincangkan bahawa idea tadi boleh diwujudkan secara fizikal atau sebaliknya di alam ini. Dengan kata lain, segala perancangan Tuhan secara azali ada di sini. Apabila Tuhan mengarahkan sesuatu kewujudan maka di Alam al-Mithallah ia wujud secara idea dan selepas itu barulah wujud di alam fizikal mengikut hukum Allah (Sunnah Allah) (al-Dihlawi, 1999).

Oleh sebab Alam al-Mithal adalah perantara, maka alam ini boleh menerima seruan daripada Tuhan atau dari bawah. Seruan-seruan sama ada daripada Tuhan atau dari bawah ini disambut oleh para malaikat tertinggi (al-Mala’ al-A‘la) dan disesuaikan mengikut kejadian-kejadian di alam fizikal. Oleh itu, apa yang terjadi di alam fizikal ini adalah sebenarnya berdasarkan titik kesesuaian yang terdapat di Alam al-Mithal mengikut kehendak Tuhan (Jalbani, 1980.) dan al-Mala’ al-A‘la (Menurut Shah Waliyy Allah (1999), para malaikat mempunyai beberapa tingkatan. Tingkatan paling tinggi dan hampir dengan Allah SWT adalah al-Mala’ al-A‘la. Mereka menjadi duta atau perantaraan Allah SWT dengan hamba-hambanya dan mengilhamkan kebaikan ke dalam hati manusia.

Manakala tingkatan para malaikat yang paling rendah digelar al-Mala’ al-Safil. Mereka paling dekat dengan bumi dan paling rendah dapat mencapai langit. Mereka mendoakan kesejahteraan manusia yang menyucikan diri dan mengutuk pelaku kejahatan) dalam perbincangan pertama dan menyentuh golongan mufahhamun (Shah Waliyy Allah (1999) telah memperincikan lagi berkenaan golongan ini dalam perbincangan yang keenam kitab Hujjah Allah. Menurut beliau, golongan mufahhamun merupakan golongan manusia yang dilimpahi rahmat dan ilmu Ilahi ke dalam jiwanya. Inilah tingkatan jiwa yang paling tinggi yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba pilihanNya. Mereka diberikan kefahaman dan ilmu pengetahuan yang tinggi (khususnya ilmu Ilahi) sehingga dapat menghubungkan antara alam bumi dan alam langit. Mereka juga diberikan ilham oleh Allah SWT melalui para

malaikat dan memiliki sifat kemalaikatan yang tertinggi. Dengan kata lain, jiwa mereka telah ditakluki al-Mala' al-A'la sehinggakan jiwanya bebas daripada tipu daya duniawi dan sifat kebinatangan) dalam perbahasan keenam.

Sehubungan itu, kitab Hujjah Allah adalah kitab akidah dan falsafah terbesar, terbilang dan terlengkap hasil karya Shah Waliyy Allah. Kitab Hujjah Allah merupakan sebuah kitab yang menjelaskan asrar al-syari'ah yang kadang-kadang tidak terjangkau oleh fikiran manusia biasa. Malah, kitab ini juga adalah kitab pertama yang ditulis berkenaan asrar al-syari'ah yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia. Kitab ini begitu terperinci dalam membahaskan hikmah dan falsafah di sebalik dalil-dalil al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Sebahagian kecil daripada perbahasan yang dikemukakan dalam kitab ini mungkin tidak pernah dibincangkan oleh para ulama. Contohnya tentang asrar al-syari'ah yang diturunkan kepada para Nabi terdahulu (al-Dihlawi, 1999).

Secara ringkasnya, ilmu asrar al-syari'ah yang dikemukakan oleh Shah Waliyy Allah dalam kitab Hujjah Allah menggabungkan ilmu Hadis, fiqh dan tasawuf. Penggabungan tema-tema tersebut adalah hasil analisis terhadap karya-karya tasawuf al-Ghazali, hal ini jelas dinyatakan oleh Shah Waliyy Allah (1999: 38), "Dengan tujuan inilah Imam al-Ghazali mengambil berat di dalam buku-buku tasawufnya untuk membincangkan rahsia-rahsia ibadat." Pemilihan ketiga-tiga tema ini juga atas dasar penguasaannya yang mendalam dalam bidang tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam fasa penulisan kitab ini setelah beliau kembali daripada kembara ilmu di Hijaz. Di sana beliau telah mendalami ketiga-tiga bidang dan mendapat ilham untuk menulis kitab ketika berada di sana.

## **KEASLIAN KITAB**

Kitab Hujjah Allah merupakan karangan asli Shah Waliyy Allah. Kesahihan karya ini tidak pernah diragukan. Hal ini dapat dilihat pada muka hadapan kulit kitab yang tertera tajuk Hujjah Allah al-Balighah yang dihasilkan oleh Shah Waliyy Allah. Kenyataan ini juga diisyaratkan melalui pengakuan nama pengarang di dalam bahagian pengantar kitab ini yang menyebutkan "Maka berkata hamba yang menginginkan rahmat Allah Yang Maha Pemurah ini, Ahmad, yang sering dipanggil dengan gelaran Waliyy Allah, anak Shah 'Abd al-Rahim..." (al-Dihlawi, 1999: 20). Maklumat ini diperkukuhkan lagi melalui kenyataan Sayyid Sabiq (al-Dihlawi, 2005: 5), sebagai pentashih kitab ini yang turut memperakui hakikat ini melalui kata-katanya: Kitab "Hujjah Allah al-Balighah" adalah sebuah kitab yang membahaskan tentang ilmu asrar ahkam al-syari'ah dan falsafah al-tasyri' al-Islami, dihasilkan oleh al-Imam Syeikh al-Islam Waliyy Allah al-Dihlawi.

G.N. Jalbani (1973) dan J.M.S. Baljon (1986) sebagai pengkaji awal tidak membangkitkan sebarang isu tentang ketulenan karya ini. Karya ini dianggap sebuah karya yang autentik dalam bidang pengajian Islam khususnya dalam bidang ilmu akidah dan falsafah. Penyelidikan ilmiah kontemporari yang dijalankan oleh Muhammad al-Ghazali (2000) turut memperakui autoriti kitab ini sebagai satu sumber kitab Arab yang bernilai ilmiah.

Keabsahan kitab ini juga boleh disandarkan melalui perbandingan kitab ini dengan kitab-kitab karangan Shah Waliyy Allah yang lain. Hasil perbandingan kitab Hujjah Allah dengan al-Tafhimat al-Ilahiyyah misalnya menampakkan ada keselarian bahasa dan gaya penulisan yang sama. Contohnya penjelasan tentang hakikat nubuwah menyamai

penerangannya dalam kitab al-Tafhimat (al-Dihlawi, 1999, 1963). Begitu juga kecenderungan pengarang yang banyak merujuk kepada sumber al-Quran dan al-Sunnah. Paling ketara terlihat pada kenyataan pengarang yang sentiasa merendahkan dirinya ketika memulakan perbincangan dalam setiap pengantar kitabnya sebagaimana berikut, “Maka berkata hamba yang lemah bagi Allah SWT yang Maha Mulia, Ahmad, yang sering dipanggil dengan gelaran Waliyy Allah, anak Shah ‘Abd al-Rahim...” (al-Dihlawi, 1999: 20; 1936: 9). Di samping hakikat bahawa kandungan kedua-dua kitab tersebut yang menjelaskan tentang rahsia-rahsia ketuhanan dalam perbincangan awal kitab-kitab tersebut.

Berdasarkan keterangan di atas, nyata bahawa kitab ini ditulis oleh Shah Waliyy Allah dengan judulnya Hujjah Allah al-Balighah yang bermaksud hujah-hujah Allah SWT yang meyakinkan yang mana ia dinamakan bersempena dengan nama dan sifat al-Quran sebagaimana dalam surah al-An‘am, 6:49 tersebut. Dengan ketinggian ilmu pengetahuan, penuh semangat dan kemahuannya juga, Shah Waliyy Allah telah menulis kitab Hujjah Allah dalam bahasa Arab bagi mengajak umat untuk memahami dan menghayati ajaran Islam secara menyeluruh dan sempurna.

## **TERJEMAHAN, RINGKASAN DAN ULASAN**

Kitab Hujjah Allah telah memuncakkan nama Shah Waliyy Allah di persada antarabangsa. Demikian itu, banyak usaha dilakukan ke atas kitab Hujjah Allah oleh pelbagai lapisan ulama dan ahli akademik untuk mengetengahkan pemikiran Shah Waliyy Allah melalui kitab tersebut. Antara usaha yang dilakukan oleh para sarjana tersebut adalah dengan menterjemahkan kitab ke dalam pelbagai bahasa serta meringkas dan mensyarahkan kitab tersebut secara lengkap.

Pada asalnya kitab Hujjah Allah ditulis dalam bahasa Arab dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, antaranya bahasa Perancis (Siddiqi, 1966) dan Urdu oleh Maulana Abu al-Haq Haqqaniy (1978), Maulana Sa'eed Ahmad Palanpoori (2004) dan Sheikh Ubayd Allah Sindhi (2010). Terjemahan dalam bahasa Inggeris pula oleh Marcia K. Hermansen (1996; 2005) dan diterbitkan oleh E.J. Brill, New York. Turut diterjemah ke dalam bahasa Indonesia oleh Nuruddin Hidayat & C. Romli Bihar Anwar pada tahun 2005 dan diterbitkan oleh PT Serambi Ilmu Semesta, Jakarta. Dalam bahasa Melayu pula, kitab Hujjah Allah diterbitkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Press, di bawah penyelenggaraan Zainuddin Hj. Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah (2002). Buku terjemahan ini diterbitkan dalam dua jilid dengan judul Hujjat Allah al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi. Selain itu, terdapat sebuah kitab yang disusun khusus menghuraikan kandungan kitab Hujjah Allah, iaitu kitab yang berjudul Rahmah Allah al-Wasi‘ah iaitu sebuah hasil karya al-Syaikh al-Muhaddith Sa‘id bin Ahmad al-Balanburi (Palanburi) (2005) dalam bahasa Urdu. Ia dicetak dan diterbitkan dalam 5 jilid. Kitab ini belum lagi diterjemahkan ke dalam bahasa Arab atau bahasa lainnya.

Di antara kitab ringkasan kepada kitab Hujjah Allah yang terdapat di rak-rak kedai buku di negara India dan Pakistan pula adalah kitab Talkhis Hujjah Allah al-Balighah. Kitab ini dikarang oleh Sayyid Radiyuddin Ahmad Fakhri (t.t.) dalam bahasa Urdu. Ia disediakan sebagai alternatif kepada mereka yang tidak mempunyai masa yang cukup untuk membaca kitab asal Hujjah Allah dan juga sebagai ringkasan untuk memahami isi penting kitab tersebut. Ringkasan kitab ini sangat unik kerana ia merupakan cubaan kali yang ketiga pengarang untuk



menghidangkannya kepada pembaca. Manuskrip pertama dan kedua telah hilang. Untuk kali yang ketiga barulah ia berjaya disiapkan semula dan berjaya juga dicetak. Berdasarkan cetakan Darul Isyaat Dehli, kitab ini hanya merangkumi 272 muka surat bersaiz kecil iaitu 8.50 X 5.50 inci.

Ringkasan kitab dalam bahasa Melayu juga turut dilakukan oleh Nik Hassan Nik Abdullah dengan judul *Ikhtisar Hujjatullah al-Balighah* Jilid 1 dan hanya merangkumi jilid pertama sahaja. Kitab ini dihasilkan sebanyak 600 halaman dan diterbitkan oleh Pertubuhan Pengajian Islam Negeri Kelantan (PPINK) pada tahun 2007.

## **EDISI DAN PERCETAKAN**

Kitab *Hujjah Allah* adalah magnum opus bagi Shah Waliyy Allah dan diakui secara universal oleh sarjana Muslim. Ia juga merupakan sumbangan beliau yang paling luar biasa dan penting (Muhammad al-Ghazali, 2000). Oleh itu, kitab ini telah banyak dicetak melalui pelbagai penerbit dan boleh didapati di perpustakaan terkenal Universiti al-Azhar hingga kini (Luqman Hakim, 1991).

Menurut Muhammad al-Ghazali (2000), naskhah awal kitab ini diterbitkan di Bareilly, India pada tahun 1286H. Seterusnya muncul karya terjemahan dalam bahasa Urdu oleh Abu Muhammad ‘Abd al-Haqq Haqqani (1302H) di Karachi dan ‘Abd al-Rahim (1953) di Lahore (Qureshi, 1974). Terjemahan Urdu oleh Muhammad Manzoor al-Wajidi (1986) pula diterbitkan di Maktaba Thanavi, Deoband (Bhat, 1997). Kitab *Hujjah Allah* juga diterbitkan di Karachi dalam bahasa Arab (tanpa tarikh) (Rizvi, 1980).

Selain di India, kitab ini juga diterbitkan di Mesir dalam pelbagai edisi. Antaranya diterbitkan oleh al-Matba‘ah al-Khayriyah pada tahun 1322H (edisi PDF) dan terbitan Dar Ihya’ al-Ulum, Beirut pada tahun 1933 serta tanpa dinyatakan tahun oleh penerbit yang sama (Muhammad al-Ghazali, 2000). Terdapat juga edisi yang diterbitkan oleh Dar al-Turath, Kaherah pada tahun 1355H. Pada tahun 1964, kitab ini ditahqiq oleh Sayyid Sabiq dan diterbitkan di Dar al-Kutub al-Hadithah, Kaherah (Abdul Salam, 2007). Terdapat juga edisi yang dicetak tanpa dinyatakan tahun oleh penerbit yang sama. Edisi yang ditahqiq oleh Sayyid Sabiq ini kemudiannya diterbitkan pula oleh Dar al-Jil, Beirut pada tahun 2005 (edisi PDF).

Selain Sayyid Sabiq, Syarif Sukkar juga mentashihkan kitab ini yang diterbitkan oleh Dar Ihya’ al-Ulum, Beirut dan cetakan yang ditemui penyelidik adalah cetakan ke-2 pada tahun 1992 dan cetakan ke-3 pada tahun 1999. Muhammad Salim Hashim juga mentashihkan kitab ini pada tahun 2001 (Abdul Salam, 2007) dan tahun 2005 bagi cetakan ke-2 oleh penerbit Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut. Manakala edisi terjemahan Inggeris oleh Marcia K. Hermansen (1996) yang diterbitkan E.J. Brill, Leiden kemudiannya diterbitkan oleh Dar al-Ma’rifah, Beirut (tanpa tahun) (Islahi, 2011) dan Dar al-Jil, Damascus pada tahun 2005 (Fadlan, et al., 2015).

Selain daripada edisi-edisi cetakan di atas, kemungkinan adanya edisi lain di luar pengetahuan dan kemampuan penulis. Edisi-edisi yang dikemukakan penulis adalah berdasarkan kitab yang dirujuk oleh para pengkaji Shah Waliyy Allah dan himpunan kitab di pelbagai perpustakaan tempatan. Hingga kini kitab ini masih terus dicetak bagi memenuhi permintaan umat Islam di India, Mesir, Malaysia, dan Indonesia. Hal ini menandakan bahawa kitab ini sudah lama diterima pakai dan menjadi antara medium pendidikan dalam bidang

agama yang berkesan khususnya dalam usaha membentuk modal insan yang kuat berpegang kepada prinsip kesejahteraan dalam penghayatan ilmu dan amalan.

Dalam penulisan ini, kitab rujukan utama penulis adalah kitab Hujjah Allah yang ditahqiq oleh Syarif Sukkar. Penulis memilih edisi ini kerana pentahqiq telah meletakkan tajuk-tajuk kecil bagi setiap bab yang dibincangkan dan hal ini tidak dilakukan oleh Sayyid Sabiq. Penyusunan kitab sedemikian memudahkan penulis untuk menganalisis kitab tersebut. Walau bagaimanapun, edisi yang ditahqiq oleh Syarif Sukkar ini merupakan penambahbaikan kepada edisi Sayyid Sabiq. Syarif Sukkar juga meletakkan kata pengantar daripada Sayyid Sabiq di awal kitab tersebut. Justeru, edisi kemas kini Sayyid Sabiq juga turut dirujuk untuk melihat keselarasan maksud istilah-istilah yang diterangkan oleh kedua-dua pentahqiq dalam nota kaki dan mendapatkan ketepatan teks yang sebenar. Penulis juga merujuk kitab yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bahasa Indonesia dan bahasa Melayu untuk memahami secara terperinci kandungan kitab tersebut.

Kitab Hujjah Allah yang ditahqiq oleh Syarif Sukkar dicetak dalam dua jilid. Jilid pertama mengandungi 576 halaman. Ia dimulai dengan kata pengantar oleh Sayyid Sabiq dan seterusnya pendahuluan oleh Syarif Sukkar (menjelaskan biografi Shah Waliyy Allah dan suasana umat Islam India pada zamannya). Setelah itu, dinyatakan perbincangan dalam bahagian pertama dan sebahagian bahagian kedua. Manakala jilid kedua mengandungi 606 halaman yang merangkumi bahagian kedua.

## **DORONGAN PENULISAN KITAB**

Dalam mukadimah kitab Hujjah Allah, Shah Waliyy Allah (1999) menjelaskan secara terperinci bagaimana teretusnya idea untuk menghasilkan karya agungnya ini. Ia bermula apabila beliau didatangi roh Nabi SAW ketika duduk bertawajuh (Tawajuh bermaksud penumpuan diri (akal, fikiran, perasaan) kepada Allah SWT dan bertawajuh adalah memusatkan (menumpukan, mengarahkan) segenap fikiran kepada Allah SWT (Kamus Dewan, 2007).) kepada Allah SWT. Hal ini merupakan petanda kepada Shah Waliyy Allah untuk menyebarkan syiar agama Islam dan beliau juga diberikan ilham oleh Allah SWT untuk merealisasikan apa yang disampaikan oleh Nabi SAW.

Ketika di Makkah pula Shah Waliyy Allah bermimpi diberikan pena dan jubah Rasulullah SAW oleh Hassan RA dan Husayn RA. Dengan ini, Shah Waliyy Allah memahami bahawa beliau bertanggungjawab untuk memulihkan kembali ilmu-ilmu Islam dengan mempelajari Hadis Rasulullah SAW (al-Siyalkuti, 1999).

Walaupun bagaimanapun beliau berasa keberatan untuk meneruskan penulisan kitab ini kerana terdapat ramai lagi ulama yang lebih pakar dalam bidang syariat pada masa itu. Tambahan pula pada masa itu budaya maksiat dan kejahilan berlaku dengan berleluasa. Kebanyakan kehidupan masyarakat pada masa itu penuh dengan polemik dan berlumba-lumba untuk mencari kemegahan dunia (al-Dihlawi, 1999). Itulah satu cabaran beliau dalam memperjuangkan kebenaran Islam dan menghancurkan kebatilan jahiliah serta bidaah. Berkaitan dengan sikap beliau yang teragak-agak dalam penulisan kitab ini adalah disebabkan sifat kewarakan dan tawaduknya yang sangat tinggi seolah-olah beliau berasa tidak mempunyai kelayakan walaupun beliau sebenarnya sangat layak. Oleh sebab itu, beliau didorong oleh sahabat merangkap sepupunya untuk menguatkan lagi dirinya menghasilkan karya tersebut.

Shah Waliyy Allah (1999: 25) menjelaskan dalam mukadimah Hujjah Allah, sebagaimana katanya:

Sedang aku dalam keadaan demikian [merasa rendah diri] aku melangkah beberapa langkah ke hadapan dan aku mundur pula, aku berlari ke garisan penamat kemudian aku berpatah balik. Tiba-tiba saudara tertua padaku dan sepupuku yang termulia, iaitu (Muhammad) yang dikenali dengan panggilan 'Ashiq telah memahami kedudukan dan keutamaan ilmu ini (ilmu rahsia agama), ia terus mengawal daripada setiap kedatangan perkara yang tidak diinginkan dan kegelapan malam. (Kemudian) beliau telah diilhamkan bahawa kebahagiaan insan tidak tercapai dengan sempurna kecuali dengan cara menyelidiki bidang ilmu ini yang halus dan yang kasar (maksudnya ialah mempelajari ilmu rahsia syariat ini yang mudah dan yang susah) dan beliau sedar bahawa untuk sampai kepada penyelidikan itu bukanlah suatu perkara yang mudah kecuali setelah melakukan pengorbanan habis-habisan dalam menghapuskan keraguan dan syubhah dan menanggung pelbagai rintangan dan perselisihan.

Dalam menghasilkan karya ini, beliau banyak mengkaji, menyelidiki dan berusaha sedaya upaya untuk memastikan karyanya benar-benar mantap dan difahami semua golongan masyarakat. Beliau juga telah menjelajah beberapa negara untuk mendapatkan bahan-bahan yang bermutu dan ilmiah serta berbincang dengan para ulama untuk melengkapkan lagi karyanya. Beliau mendapati tidak ada orang yang membincangkan tentang asrar al-syari'ah yang boleh memberi manfaat atau dapat membawa suluhan cahaya daripadanya (al-Dihlawi, 1999). Muhammad 'Asyiq banyak membantu beliau terutama dalam memberi galakan dan semangat kepadanya walaupun pelbagai rintangan terpaksa ditempuhi sepanjang penulisannya. Sahabatnya itu juga sentiasa mengingatkan beliau dengan sebuah hadis Nabi SAW (al-Dihlawi, 1999) sebagaimana sabdanya yang bermaksud: Sesiapa yang ditanya sesuatu ilmu pengetahuan lalu disembunyikannya, nescaya Allah akan mengekang mulutnya di hari kiamat kelak dengan kekangan api neraka (al-Tirmidhi, 1978: Bab Ma Ja'a fi Kitman al-'Ilm, 2649).

Dalam pada itu, Shah Waliyy Allah (1999) sentiasa memohon petunjuk dan ilham daripada Allah SWT serta melakukan istikharah supaya diberi kebaikan dalam menghasilkan karya ini. Beliau tidak putus-putus mengharap dan memohon pertolongan daripada Allah SWT agar terhindar daripada sebarang kesalahan dan kesilapan sebagaimana katanya:

Dan aku telah menghinakan dan berdamping diri kepada Allah agar ia memalingkan hatiku kepada perkara-perkara yang melalaikan dan supaya Ia memperlihatkan aku hakikat semua perkara seperti mana ia pada asalnya dan [berdoa kepada Allah SWT] agar diperbetulkan hatiku, memperjelaskan percakapanku, mengawal segala pendapat dan kata-kata yang aku kumpulkan, memberi taufik kepada setiap keadaan dan percakapan dan bahasa yang sebenar, membantuku pada melahirkan apa sahaja yang bergolak dan terisi di dalam dadaku, juga ia mengubati pemikiranku. Sesungguhnya Ia (Allah SWT) amat dekat lagi Penerima (al-Dihlawi, 1999: 25).

Penulisan kitab Hujjah Allah merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang paling besar dipikul oleh Shah Waliyy Allah. Melihat kepada keadaan umat Islam yang jauh daripada pegangan akidah Islam yang murni, Shah Waliyy Allah (1999) telah menulis kitab akidah yang bersesuaian dengan manhaj ilmu yang sahih yang menekankan kepada penguasaan ilmu Hadis yang sebenar. Beliau menyatakan dalam pengantar kitabnya bahawa bidang kajian Hadis yang paling kukuh dan paling utama antara semua ilmu hukum Islam serta paling tinggi nilainya adalah pengetahuan makna-makna batin hukum agama. Inilah cabang pengetahuan yang paling layak untuk didalami oleh setiap umat yang telah memenuhi syarat dan sentiasa memanfaatkan setiap saat kehidupannya.

## **KEDUDUKAN DAN PENILAIAN SARJANA**

Kitab Hujjah Allah mengandungi pelbagai ilmu yang diperlukan oleh seorang Muslim dan agamanya. Ia meliputi pengetahuan dalam bidang al-Quran dan Hadis, fiqh, ibadat dan muamalat, adat-adat, masalah akidah, akhlak Rasulullah SAW serta kisah-kisah salaf al-salih yang penting untuk dijadikan panduan. Inilah sebabnya kitab Hujjah Allah tersebar luas di sepanjang zaman. Kitab ini merupakan antara kitab yang penting dan telah meninggalkan kesan dan pengaruh yang mendalam kepada masyarakat Islam keseluruhannya.

Justeru, kedudukan kitab ini setanding dengan kitab 'Ihya 'Ulum al-Din (Fadlan et al., 2015) dan Muqaddimah Ibn Khaldun (Siddiqi, 1966; Islahi, 2011). Sebagaimana yang dimaklumi bahawa kedua-dua kitab ini sangat masyhur dan dijadikan rujukan utama bagi umat Islam. Kandungan kitab-kitab tersebut begitu istimewa dan tidak hairanlah menjadi rujukan utama para sarjana dalam pelbagai bidang.

Persamaan kitab ini dengan kitab 'Ihya 'Ulum al-Din adalah kerana tema-tema yang terkandung dalam kedua-dua kitab adalah sama yang mana kedua-duanya menjelaskan rahsia-rahsia di sebalik hukum syariat Islam. Bahkan Shah Waliyy Allah (1999) juga dilihat mengambil inspirasi daripada al-Ghazali untuk menghasilkan kitabnya. Hal ini dapat difahami berdasarkan sanjungannya terhadap ketokohan Imam al-Ghazali dalam bidang asrar al-syari'ah. Sementara perbandingannya dengan karya Muqaddimah Ibn Khaldun sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdul Azim Islahi (2011: 58), "His work Hujjah bears resemblance with Ibn Khaldun's Muqaddimah in rendering difficult scientific ideas into Arabic", karyanya Hujjah menyamai Muqaddimah Ibn Khaldun dalam memberikan idea-idea saintifik yang sukar dalam bahasa Arab. Hal ini kerana Shah Waliyy Allah menulis dalam bahasa Arab seperti orang Arab tulen yang mana tidak ditemui sedikit pun kesalahan dalam tatabahasa Arab (Islahi, 2011).

Dalam dunia Arab, Hujjah Allah telah mempengaruhi kebanyakan ulama zaman moden seperti Jamal al-Din al-Qasimi, Muhammad Zahid al-Kawthari, Muhibb al-Din al-Khatib, Abd al-Mun'im al-Namir dan Abu Zahrah. Para sarjana ini menjadikan kitab Hujjah Allah sebagai rujukan dalam menghasilkan karya-karya mereka (Siddiqi, 1966).

Sehubungan itu, para sarjana seperti al-Siyalkuti (1999), Abbas Rizvi (1980), Ab. Rashid Bhat (1997), G. N. Jalbani (1980) dan pentahqiq kitab ini (Sayyid Sabiq dan Syarif Sukkar) telah mengiktiraf kitab Hujjah Allah sebagai sebuah ensiklopedia Islam. Hal ini kerana Hujjah Allah membawakan perbincangan secara mendalam terhadap hampir keseluruhan bidang ilmu seperti al-Quran, Hadis, akidah, fiqh, sejarah, ekonomi dan politik.

## **TUJUAN DAN SASARAN PENULISAN**

Shah Waliyy Allah merupakan seorang yang bersikap objektif dan kritis. Maka, setiap karyanya mempunyai tujuan dan manfaat yang tidak terhitung kepada umat Islam. Begitu juga penulisan kitab Hujjah Allah. Ia dapat membentuk pemikiran umat dengan lebih berkesan apabila dihayati setiap patah kata yang ternukil di dalam kitab Hujjah Allah.

Menurut Shah Waliyy Allah, beliau menulis kitab ini untuk berkongsi dan memberi pendedahan secara umum kepada masyarakat awam dalam kalangan umat Islam dan khususnya golongan-golongan tertentu tentang ilmu periwayatan Hadis dan asrar al-syari'ah yang terkandung di dalamnya. Shah Waliyy Allah (1999: 24) menyatakan: Semoga risalah ini memberi pelajaran bagi pelajar (mubtadi') dan peringatan kepada sarjana-sarjana Islam dan penuntut-penuntut yang telah tamat pengajian, dapat difahami oleh semua golongan dan dapat dibincangkan dalam pelbagai pertemuan dan perkumpulan.

Dalam pengantar cetakan kitab, Shah Waliyy Allah (1999) menjelaskan pentingnya menguasai bidang syariat secara keseluruhan dan memahami rahsia-rahsianya serta mendalami cabang-cabang pengetahuan agama.

Beliau juga menyenaraikan enam faedah atau manfaat daripada penghasilan karya seumpama ini. Pertama, untuk menunjukkan salah satu mukjizat Nabi SAW iaitu keagungan kitab al-Quran yang mengandungi aturan syariat yang paling lengkap. Kedua, dengan memahami asrar al-syari'ah akan memantapkan lagi keimanan umat menerusi pembuktian dan hujah yang mantap terhadap suruhan syariat tersebut. Ketiga, golongan yang mencari kebaikan (talib al-ihsan)(Talib al-ihsan merujuk kepada usaha bersungguh-sungguh untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan istilah ini cenderung merujuk kepada dunia tasawuf (al-Dihlawi, 2005).) di samping melaksanakan ajaran-ajaran syariat, mereka mengetahui tentang alasan pensyariatannya dan terus berusaha memelihara ketaatannya walau sekecil mana pun ia memberi manfaat pada mereka. Keempat, ia dapat menyelesaikan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama fiqh tentang alasan-alasan pensyariatannya yang wajib dilaksanakan. Kelima, menyangkal dakwaan golongan ahli bidaah yang tidak mempercayai perkara-perkara ghaib khususnya yang mana mereka menyatakan ia bertentangan dengan akal yang sihat. Keenam, memberi penyelesaian kepada ulama fiqh dalam menangani Hadis-hadis sahih yang saling bertentangan dan bukannya menolak salah satu Hadis tersebut.

Justeru, kitab Hujjah Allah ditulis untuk menyelesaikan persoalan-persoalan dan kemusykilan-kemusykilan orang-orang yang berada dalam keraguan dan selalu mahukan bukti-bukti akliah tentang prinsip-prinsip dan hukum-hakam agama. Melaluinya Shah Waliyy Allah mendedahkan rahsia-rahsia dan maslahat-maslahat di sebalik setiap ketentuan syariat sama ada dalam usul mahupun furu' (Muhammad 'Asri, 1994).

Jelaslah bahawa tujuan penulisan kitab Hujjah Allah bukan untuk kepentingannya semata-mata tetapi untuk diambil manfaat oleh semua golongan masyarakat tidak kira pangkat atau kedudukan. Dengan sebab itu, Shah Waliyy Allah (1999) memulakan dan mengakhiri pengantar kitab Hujjah Allah dengan berdoa dan memuji kekuasaan dan keagungan Allah SWT.

## KESIMPULAN

Kitab Hujjah Allah adalah sebuah karya magnum opus yang ditulis oleh Shah Waliyy Allah dan disifatkan sebagai kitab ensiklopedia. Fokus utama kitab ini adalah rahsia-rahsia di sebalik hukum syariat (asrar al-syari'ah) yang terdapat dalam Hadis Nabi SAW dan ia turut memuatkan pelbagai bidang ilmu seperti teologi, perundangan Islam, metafizik, tasawuf, politik, ekonomi, Hadis dan lain-lain. Kedudukan kitab ini setanding dengan kitab Ihya' 'Ulum al-Din dan Muqaddimah. Menjadi rujukan setiap umat Islam dan diterjemah ke dalam pelbagai bahasa, disyarah dan diringkaskan oleh ulama yang berwibawa. Tujuan penulisan kitab ini adalah untuk memberi pelajaran dan ingatan kepada semua peringkat masyarakat mengenai ajaran Islam yang sebenar.

Secara keseluruhan, kitab Hujjah Allah layak diangkat sebagai kitab berautoriti dan berwibawa serta boleh dijadikan rujukan dalam pelbagai bidang ilmu. Kitab ini juga memainkan peranan besar dalam memberi penjelasan secara menyeluruh mengenai ajaran Islam dan turut mengajak umat Islam untuk menghayati segala ajaran Islam berlandaskan wahyu Allah SWT, al-Quran dan al-Sunnah.

## RUJUKAN

- Abbott, F. 1968. *Islam and Pakistan*. New York: Cornell University Press.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. 1993. *Biografi dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyyullah al-Dihlawi*. Dlm. Mohamad Kamil Ab. Majid. *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., 97-109.
- Abdul Rahman Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Salam Muhammad Syukri (ed.). 2007. *Dimensi Pemikiran Shah Waliyyallah al-Dihlawi Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Achmad Subkhan. 2012. *Ijtihad Dan Relevansinya Dalam Pembaruan Pemikiran Hukum Islam (Studi Atas Pemikiran Syāh Waliyy Allāh Ad-Dihlawi 1114 H/ 1703 M – 1176 H/ 1762 M)*. Program Magister Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Waliyysongo.
- Ahmad Fakhri, Sayyid Radiy al-Din. t.t. *Talkhis Hujjah Allah al-Balighah*. Delhi: Dar al-Isya'at.
- Al-Balanburi, Sa'id bin Ahmad. 2005. *Rahmah Allah al-Wasi'ah Syarh Hujjah Allah al-Balighah*. Karachi: Zamzam Nyablisyz.
- Al-Dihlawi, Shah Waliyy Allah. 2011. *Hujjah Allah al-Balighah*. Terj. Zainuddin Idris & Nik Hassan Nik Abdullah. Selangor: IIUM Press.
- Al-Dihlawi, Shah Waliyy Allah. 1999. *Hujjah Allah al-Balighah*. Tahqiq Sayyid Sukkar. Cet. ke-3. Beirut: Dar Ihya' al-Ulum.
- Al-Dihlawi, Shah Waliyy Allah. 2005. *Hujjah Allah al-Balighah*. Tahqiq al-Sayyid Sabiq. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Ghazali, Muhammad. 2000. *The Socio-Political Thought of Shah Waliyy Allah*. Islamabad: T.p.

- Al-Jurjawi, Syeikh Ali Ahmad. 2006. Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuh. Terj. Faisal Saleh. Jakarta: Gema Insani.
- Al-Nadawi, Abu Hasan `Ali. 1987. al-Muslimun fi al-Hind. India: Majma` al-Islamiy al-`Ilmi.
- Al-Raysuni, Ahmad. 2005. Imam al-Shatibi's Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law. Trans. Nancy Roberts. London: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Siyalkuti, Muhammad Basyir. 1999. Al-Imam al-Mujaddid wa al-Muhaddith al-Shah Waliyy Allah al-Dihlawi Hayatuh wa Da'watuh. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Tirmidhi, Abi `Isa Muhammad bin `Isa bin Saurah. 1978. Al-Jami' al-Sahih Wahuwa Sunan al-Tirmidhi. Cet. 2. Misr: Syarikah Maktabah wa Matya'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Yubi, Muhammad Sa'd b. Ahmad b. Mas'ud. 1998. Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah wa `Alaqatuha bi `Adillah al-Syar'iyah. Riyadh: Dar al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tazi'.
- Azharudin Mohamed Dali. 2002. Ulama dan Gerakan Revivalis Islam di India Antara 1700-1850an. *Jurnal Usuluddin*, (16): 51-74.
- Baljon, J. M. S. 1986. Religion and Thought of Shah Waliyy Allah al-Dihlawi. Leiden: E.J. Brill.
- Bhat, Ab. Rashid. 1997. Shah Waliyy-u Allah: An Analysis of The Trends in His Religious Thought. Thesis Shah-i-Hamdan Institute of Islamic Studies, University of Kashmir, Hazratbal-Srinagar.
- Fadlan Mohd Othman et al. 2015. Hujjat Allah Al-Balighah: The Uniqueness of Shah Waliyy Allah Al-Dihlawi's Work. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6 (5): 403-409.
- Hamka, Abdul Malik Karim Amrullah. 2003. Tafsir Al-Azhar. Cet. 5. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Herfin Fahri. 2016. Filsafat Hukum Islam Dan Ilmu-Ilmu Shari'ah Metodologis. *Al Hikmah Jurnal Studi Keislaman*, 6 (1): 47-61.
- Hermansen, M. K. 1986. Shāh Walī Allāh of Delhi's "Ḥujjat Allāh al-Bāligha": Tension Between the Universal and the Particular in an Eighteenth-Century Islamic Theory of Religious Revelation. *Studia Islamica*, 63:143-157.
- Islahi, Abdul Azim. 2011. Islamic Economic Thinking In The 12th AH/18th CE Century. Jeddah: Scientific Publising Center.
- Jalbani, G. N. 1973. Teaching of Shah Waliyy Allah of Delhi. Edisi Kedua. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.
- Jalbani, G. N. 1980. Sufism and The Islamic Tradition: The Lamahat and Sata'at of Shah Waliyyullah. London: T.p.
- Jalbani, G. N. 1993. Life of Shah Waliyyullah. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad `Asri Yusoff. 1994. Syah Waliyyullah (R.A.) Mujaddid Ulung untuk Abad-Abad Kemudian. Dalam *Prosiding Seminar*, Sulaiman Nordin (et al.) (ed.). Tokoh-tokoh Mujaddid Islam. Kuala Lumpur: Badan Perkhidmatan Penerangan Islam, 38-70.
- Muhammad Hasdin Has. 2015. Kajian Filsafat Hukum Islam Dalam Al-Quran. *Jurnal Al-`Adl*, 8 (2): 57-69.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan. 2007. Kepentingan Tariq Shah Waliyy Allah al-Dihlawi dan Relevannya Dalam Konteks Malaysia Kini. *Dlm. Abdul Salam Muhammad Syukri*

- (ed.). *Dimensi Pemikiran Shah Waliyyallah al-Dihlawi Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Qureshi, I. H. 1974. *Ulema in Politics A Study Relating to The Political Activities of The Ulema in The South-Asian Subcontinent From 1556 t0 1947*. Edisi ke-2. Karachi: Ma'aref Limited.
- Rizvi, S. A. A. 1980. *Shah Waliyy-Allah and His Times*. Australia: Ma'rifat Publishing House.
- Sharif, M. M. 1966. *A History of Muslim Philosophy*. Vol. 2. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.
- Siddiqi, A. H. 1966. *Renaissance in Indo-Pakistan: Shah Waliyy Allah Dihlawi*. In Sharif, M. M. (Ed). *A History of Muslim Philosophy*. Vol. 2. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.